

# HUBUNGAN KERAJAAN MELAKA DENGAN KAMPAR (SUMATERA) DENGAN KEWUJUDAN KERAJAAN PERAK

**Dr. Suprayitno<sup>1</sup>**

Universitas Sumatera Utara  
*nisanaceh@gmail.com*

## **Abstrak**

Sejarah Kerajaan Perak tidak sempurna sekiranya dipisahkan dengan Pulau Sumatera, Indonesia. Perkara ini dapat difahami kerana pelbagai sumber sejarah seperti Sejarah Melayu, Salasilah Raja-Raja Perak, dan laporan orang Portugis (Tome Pires) telah merekodkan adanya hubungan sejarah antara negeri Perak dengan Pulau Sumatera pada masa pengasasannya. Sebagai sebuah bandar, Kampar begitu penting kepada Melaka, untuk mengawal jalan bekalan perdagangan emas dan lada dari kawasan pedalaman Minangkabau (Tanah Datar) ke Selat Melaka, China, Timur Tengah dan Eropah. Penguasaan terhadap Kampar bererti Melaka mendapatkan ufti dan cukai daripada urusan perdagangan yang melalui Sungai Kampar. Ini bermakna dengan menganalisis kemewahan Kampar dan jalan perdagangan yang menyusuri Sungai Kampar dapat diketahui bagaimana jalinan budaya dan hubungan antara etnik daripada kawasan pedalaman Minangkabau dan masyarakat Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Kampar dengan bangsa-bangsa lain di Selat Melaka. Sejak zaman dahulu, Sungai Kampar, Inderagiri dan Siak, Jambi telah menjadi jalan penghubung antara dunia pedalaman Sumatera Tengah dengan Selat Melaka Kawasan hulu ketiga Sungai Kampar telah menjadi tempat bermukim masyarakat Minangkabau. Setelah Melaka ditakluki oleh kuasa Portugis, Sultan Mahmud Syah telah berundur ke Kampar dan berusaha mengumpul kekuatan untuk merebut kembali Kota Melaka daripada Portugis. Walau bagaimanapun, usaha ini gagal sehingga Sultan Mahmud Syah mangkat kemudiannya digantikan oleh putera baginda, Raja Ali. Raja Muzafar sebagai putera pertama Sultan Mahmud Syah telah diusir daripada Kampar kemudiannya mendirikan Kerajaan Perak pada 1529 M. Secara gambaran umum, isu-isu di sekitar hubungan luar Melaka dengan Kampar sehingga kewujudan Kerajaan Negeri Perak akan dibincangkan dalam kertas kerja ini. Secara naratif, sejarah kerajaan Perak bermula dari Kampar.

**Kata Kunci:** *Hubungan Luar, Melaka, Kampar, Perak & Melayu*

---

<sup>1</sup>Penulis adalah Ketua Program Pengajian Sarjana (S2), Ilmu Sejarah Fakultas Ilmu Budaya, Universiti Sumatera Utara (USU), Medan, Indonesia.

## **HUBUNGAN KERAJAAN MELAKA DENGAN KAMPAR (SUMATERA) DENGAN KEWUJUDAN KERAJAAN PERAK<sup>2</sup>**

### **PENDAHULUAN**

Selepas kejatuhan Melaka kepada Portugis 1511 M, wujud beberapa kerajaan baru di persisiran kedua-dua belah Selat Melaka. Peristiwa berkenaan menandai sebuah perubahan penting dalam aspek politik, ekonomi dan sosial-budaya di negeri-negeri Asia Tenggara. Ianya tidak sahaja membawa kehancuran kepada kuasa Melayu Melaka, tetapi membolehkan beberapa negeri mencuba menampilkan diri sebagai pengganti Melaka untuk mengontrol laluan perdagangan laut di Selat Melaka. Dalam taraf inilah terdapat pelbagai rekod (histori dan arkeologi) membuktikan ada hubungan sejarah Melaka dan Perak dengan Kampar, Sumatera. Dari Kampar pula narasi sejarah kerajaan Perak bermula.

Kerajaan Negeri Perak wujud pada separuh kedua abad ke-16 M. Namun sedikitnya ada tiga versi mengenai siapa pengasas kerajaan Perak. Versi pertama; pengasas kerajaan Perak adalah Raja Muzaffar berasal daripada Kampar, Sumatera yang dijemput Tun Saban untuk dirajakan di Negeri Perak mahupun dihalau daripada Kampar selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah 1528. Versi kedua menyatakan pengasas Kerajaan Perak adalah sepupu daripada Raja Beruas bernama Tun Biajit, yang dijadikan sebagai Bendahara Johor. Manakala Versi ketiga pula menyatakan bahawa pengasas Kerajaan Perak adalah putera Raja Minangkabau yang dijemput oleh Tun Saban daripada Johor. Daripada ketiga versi itu, hubungan luar antara kerajaan Melaka dengan Kampar


---

<sup>2</sup>Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu pada 29 September 2016 di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

dapat ditemukenali sehingga terwujudlah kerajaan Negeri Perak pada 1529 M. Hubungan luar itu wujud dalam hubungan budaya (kekerabatan), politik, dan sosial- ekonomi. Makalah ini akan membincangkan isu-isu berkenaan dengan hubungan antara Kerajaan Melaka dengan Kampar sehingga wujudnya negeri Perak.

### **Bandar Kampar di Pulau Sumatera**

Sejarah Melayu, Shellabear, (1986: 137-153; 205-219) menyatakan bahawa setelah Kota Melaka dikuasai Portugis, Sultan Mahmud Shah dan ahli keluarganya telah berundur ke Muar, Pahang, Bentan dan terakhir ke Kampar. Manakala sumber asing (Portugis) menegaskan bahawa armada Portugis menggempur kedudukan Sultan Mahmud Shah di Pulau Bintan sebanyak empat kali iaitu tahun 1521, 1523, 1524 dan 1525. Pada bulan Nov. 1526, Sultan Mahmud meninggalkan Pulau Bintan kerana lagi diserang Portugis (Pieter Anton Tiele dalam BKI, 25, 1877, hlm. 371, 387, 395 dan 397; Ian Alistair McGregor dalam JMBRAS, XXVIII (2), hlm. 37; McGregor, JMBRAS (2) XXVIII, 1955, hlm. 74).



Berpandukan dua sumber ini, dapat dikatakan bahawa Sultan Mahmud Shah memang berada di Kampar, Sumatera. Bilakah masa sebenar beliau berada di Kampar? Catatan Portugis menyatakan bahawa Sultan Mahmud Shah telah berundur ke Ujong Tanah (Johor), tetapi tidak lama kemudian (September 1527) beliau berangkat ke Kampar (McGregor, 1955: 74-75). Rombongan Sultan Mahmud Shah ini terdiri daripada salah seorang putera baginda iaitu Raja Mudzaffar, Permaisurinya Tun Fatimah, beserta Orang Besarnya seperti Paduka Tuan. Di Kampar Baginda didaulatkan menjadi Raja Kampar menggantikan Raja Abdullah (Raja Kampar) yang dibunuh Portugis di Melaka. Baginda kemudian mendiami bekas Istana Kakandanya Raja Menawar Shah. Sultan Mahmud Shah, Tun Fatimah, Raja Menawar Shah dan beberapa Kerabat Sultan Mahmud Shah mangkat di Kampar.

Dalam laporan Tome Pires, disebutkan bahawa Kampar mempunyai kedudukan yang penting dan strategik bagi Melaka, kerana daripada Kamparlah terdapat pelbagai hasil bumi dan logam mulia seperti emas yang berasal dari pedalaman Sumatera Tengah dapat diperdagangkan ke Melaka. Jalan keluar barang dagangan melalui sungai Kampar yang berhulu ke Tanah Datar di Sumatera Barat dan bermuara ke Selat Melaka. Kerajaan Kampar sangat kuat. Kampar mempunyai akar-akar untuk ubat; lilin dan madu. Kampar mempunyai cukup beras sebagai sumber makanan ruji penduduknya. Raja Kampar diturunkan dari Raja Pute. Beliau dan raja Melaka merupakan sepupu pertama; mereka saling bekerjasama dengan erat. Raja ini turut membayar kepada raja Melaka empat *cate* emas, keempatnya bernilai enam *contos* dan 25 *cruzados* (A.Cortesao, 1944: 263).

Kampar menjadi daerah jajahan Melaka yang harus memberikan ufti sebanyak 4 kati emas, termasuk Kerajaan Pahang. Kampar dan Sening Hujung, sebagai unit politik kecil disebut kawasan penyangga, kerana ia dipegang untuk ditadbir dan dikuasai oleh pembesar Melaka, dipegang oleh Seri Nara Diraja. Jika peperangan berlaku, Kerajaan Lingga, Rokan, Tungkal dan Rupal menyediakan 40 buah perahu dan lancar lengkap dengan hulubalangnya ke Melaka (Mohammad Yusuf Hassim, 1989: 195).

Sebagai sebuah bandar (*entri point*), Kampar begitu penting bagi Sultan Melaka, untuk mengamankan jalan bekalan perdagangan emas dan lada dari pedalaman Minangkabau (Tanah Datar) ke Selat Melaka dan kemudian diteruskan ke China, Timur Tengah dan Eropah. Penguasaan bandar Kampar bererti Melaka mendapatkan ufti dan cukai daripada perdagangan yang melintasi Sungai Kampar dan Bandar Kampar. Makna lainnya adalah dengan menganalisis kemewahan Bandar Kampar dan jalan perdagangan yang menyusuri Sungai Kampar akan diketahui bagaimana jalinan budaya dan hubungan

antara etnik daripada pedalaman Minangkabau dan penduduk Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Kampar dengan orang-orang Melayu dan bangsa-bangsa lain di Selat Melaka. Sudah diketahui sejak lama, bahawa Sungai Kampar, Inderagiri dan Siak, Jambi menjadi jalan penghubung antara dunia pedalaman Sumatera Tengah dengan Selat Melaka dan di hulu ketiga sungai itu telah menjadi tempat bermukim orang-orang Minangkabau (Christine Dobbin, 1992: 60 dan 74).


Dari huraian itu, ternyata Daerah Kampar dengan Sungai Kampar memang memiliki kedudukan yang strategik secara politik mahupun ekonomi. Tome Pires (Armando Cortesao, 1967: 151) menyebut bahawa tempat bersemayam Raja Kampar terletak di persimpangan dua buah anak sungai Kampar yang dapat dilalui menerusi Sungai Kampar selama tujuh atau lapan hari. Maklumat ini mematahkan pendapat yang selama ini dipercayai bahawa Istana Raja Kampar (Sultan Mahmud Syah) terdapat di Desa Tolam, Kecamatan Pelalawan, Riau. Penulis lebih mempercayai pendapat Tome Pires kerana di daerah Kecamatan Kampar Timur, tempatnya di arah ke Hulu Sungai Kampar, sekitar satu jam perjalanan dengan kereta dari kota Pakan Baru, ditemui bekas-bekas tapak Kerajaan Kampar, seperti bekas Istana, Mesjid Kuno, Lokasi Makam Raja Kampar ke 13, bekas Pekan “Pasar” Tuo, di Tebing Sungai Kampar, dan beberapa peninggalan harta Kerajaan Kampar yang masih tersimpan oleh Ahli Waris yakni Datok Majo Besar (Penghulu dari delapan Ninik Mamak di Kampar).

### **Sultan Muzaffar Shah dan Tun Saban**

Para penguasa negeri Perak tidak hanya berkerabat dengan penguasa Melaka dan Kampar, melainkan juga berkerabat dengan Johor, Aceh, Pahang dan Siak. Menurut

*Sejarah Melayu* (Shellabear, 1986) Sultan Muzaffar Shah adalah putera Sultan Mahmud Shah dengan puteri Onang Kening seorang puteri Sultan Kelantan. Sultan Muzaffar Shah kahwin dengan Tun Trang, puteri Tun Fatimah dengan Tun Ali. Mereka mempunyai 6 orang putera iaitu Raja Dewi, Raja Mansur, Raja Tengah, Raja Ahmad, Raja Abdul Jalil dan Raja Fatimah.

Dalam “Silsilah Raja-Raja Perak” (Ceridwen, 2001: 76-124) disebutkan, setelah Sultan Muzaffar Shah mangkat, Sultan Alauddin dari Johor mengirim Raja Mansur yang telah dikahwinkan dengan puteri Sultan Alauddin untuk dirajakan di Perak bergelar Sultan Mansur Shah dan bersemayam di Kota Lama.



Manakala Tun Saban <sup>3</sup>dipercayai sebagai anak Tun Perak, Bendahara Kerajaan Melaka dan merupakan tokoh yang mula-mula membuka Hulu Perak. Sebagai ahli keluarga Bendahara Melaka, beliau turut bersama rombongan kerabat Sultan Mahmud Syah berundur ke Kampar, Riau pada tahun 1526/27 ketika Portugis menggempur kedudukan Sultan Mahmud Syah di Pulau Bintan. Tun Saban beserta keluarganya seramai 12 orang iaitu isterinya, 7 anaknya dan 2 saudara laki-laki dan 2 saudara perempuan berada di Kampar bersama-sama dengan Raja Muzaffar. Nama anak-anak Tun Saban adalah Tun Kelawang, Tun Undan, Tun Dalap, Tun Kelalang, Tun Belonak, Tun Merah, Tun Bongsu Bangsawan. Tidak lama di Kampar, Tun Saban balek ke Tanah Melayu. Beliau menetap di Hulu Patani (Beredong Budi) dan kemudian pindah ke Belum di Hulu Perak membuka kampong bernama Relap Reli. Beliau dipercayai sebagai Ketua orang-orang Belum. Tun Saban kemudian mengangkat adiknya bernama Tun Perobu menjadi Ketua di Temong dan digelar dengan Tok Temong. Beliau meninggal dalam sebuah pertempuran di Kuala Temong dengan Megat Terawis dan dikuburkan di Changkat Merah, Hulu Perak. Makamnya dikenali dengan Keramat Tok Merah (Raja Razman et.al., 1963: 1-8).

Daripada sepenggal kisah itu, dapat disimpulkan bahawa beliau adalah orang penting dalam Kerajaan Melaka, sehingga turut beserta rombongan Sultan Mahmud Syah keluar dari Melaka. Kedatangan Tun Saban ke Hulu Perak pasti mempunyai maksud politik dan beliau kemungkinan masih mempunyai hubungan kerabat dengan keluarga Kerajaan Beruas. Sepertimana diketahui bahawa kerajaan Beruas yang diperkirakan

---

<sup>3</sup>Menurut “Riwayat Negeri Perak Darul Ridzuan”, nama lengkap beliau adalah Tun Saban Ibni Tan Chendera Panjang Ibni Laksamana Tan Panjang Melaka. Beliau beserta keluarganya melarikan diri dari serangan Portugis tahun 1511 dan kemudian mentabdir negeri atas pelantikan Tok Mesoka yang terlebih dahulu meneroka Beruas (Othman Mohd Yatim dan Nik Hassan Suhaimi Nik Abd. Rahman, 1994: 7).



wujud pada abad ke-14 M, takluk kepada Melaka pada masa Sultan Mahmud Shah 1488-1511M. Sultan Mahmud Shah memberikan gelar Tun Aria Biraja kepada Raja Beruas ketika beliau menghadap Sultan Mahmud Shah di Melaka. Hubungan Beruas-Melaka dipererat dengan perkahwinan politik antara Tun Isap Berakah cucu Paduka Tuan, Bendahara Melaka dengan salah seorang saudara perempuan Raja Beruas bernama Tun Mah. Perkahwinan ini merupakan alat untuk memperkukuhkan hubungan Melaka-Beruas, sebab penguasa Beruas sudah mulai lalai memberi sembah kepada Sultan Mahmud Shah di Bintan. Paduka Tuan diutus Sultan Mahmud Shah untuk mengingatkan Raja Beruas tentang kewajiban beliau (Wilkinson, 1971:77-88). Raja Beruas akhirnya datang ke Bintan menemui Sultan Mahmud untuk memberi sembah, namun setelah itu hubungan antara Beruas-Melaka tidak terakam dalam sejarah, sampai akhirnya datanglah Tun Saban ke Hulu Perak.

Sebagai kerabat daripada keluarga Bendahara Melaka, kedatangan Tun Saban dari Kampar ke Hulu Perak kemungkinan atas perintah Sultan Mahmud Shah, sebagaimana beliau memerintahkan Paduka Tuan menemui Raja Beruas dengan tujuan yang sama iaitu untuk menjalin kembali atau membangun kekuatan politik baru di atas sisa-sisa kerjaan Beruas, kerana bandar Beruas masih lagi penting sebagai bandar perdagangan timah sampai abad ke-16 M sepertimana dicatitkan oleh Tome Pires. Tome Pires menyebutkan bahawa Beruas diperintah oleh Tuan Acem (Hasyim/Aceh?). Pedagang-pedagang Beruas telah berniaga sampai ke Pasai, Kedah, Aceh, Gujerat, Siam dan Benggala(Cortesao, 1944: 261). Sultan Mahmud masih berupaya untuk membangun aliansi politik menghadapi Portugis di Melaka, kerana itu Beruas harus dikuasai, termasuk juga Aru di pesisir Timur Sumatera.

Dalam konteks itu, maka sepenggal kisah Tun Saban diatas dapat dipahami secara lebih luas sebagai perwujudan ambisi Sultan Mahmud Shah. Oleh itulah maka beliau segera membangun kekuatan di Hulu Perak, termasuk menempatkan saudaranya menjadi pengusa di Temong. Alur kisah Tun Saban masih runtut dan linear ketika beberapa sumber sejarah kemudian menjelaskan bahawa beliau ada menjemput Raja Muzaffar untuk dirajakan di Perak. Namun kisah itu menjadi lain dan rumit, ketika kemudian beliau terlibat konflik bersenjata dengan Raja Muzaffar, yang konon kerana masalah "perempuan". Bagaimanakah kisah/legenda sebenar kedua tokoh berkenaan dalam konteks penubuhan kerajaan negeri Perak. Berpandukan kepada analisis terhadap sejumlah batu nisan Aceh yang berada di Perak, kisah-kisah kedua tokoh ini akan cuba dihuraikan secara logik dan rasional.

### **Penubuhan Negeri Perak**

Daripada Kampar, Raja Muzafar berangkat menuju negeri Perak untuk membina Kerajaan Perak. Meskipun dalam historiografi Perak terdapat dua pendapat tentang kedatangan Raja Muzafar iaitu di jemput atau dihalau, namun dalam kedua proses tersebut Tun Saban mempunyai peran dalam proses penubuhan kerajaan Perak. Dalam Sejarah Perak dikatakan, bahawa Sultan Muzaafar Shah dimakamkan di Tanah Abang, Mukim Lambor, Daerah Perak Tengah (Foto 1) pada kordinat ( $04^{\circ} 18.357' N$  dan  $100^{\circ} 54.428' E$ ) dan pada ketinggian 71 kaki di atas permukaan laut.

Batu Nesan ini bukanlah batu nesan asal sebab batu nesan asal Sultan Muzaffar Shah berbentuk batu Aceh dan sudah patah dan retak-retak, sebagaimana dilaporkan

Jeragan Abdul Shukor 1907 (JMBRAS, No. 48, 1907: 98). Oleh itu tidak termasuk data yang dianalisis dalam tulisan ini.



Foto 1: Makam Sultan Muzaffar Shah di Telok Bakong, Lambor Kanan

Berdasarkan kajian kami terhadap makam yang berada di sebelah Timur makam Baginda dijumpai maklumat sebagai berikut. Pada batu nisan kepala penampang utara terdapat kalimat dalam bahasa Arab “*Ulya Sultan Mansur Lii Muzaffar walquro*” (Guru Besar Sultan Mansur dan Sultan Muzafar beserta seluruh kerabat di-raja). Pada penampang Timur disebutkan “*al `ulya l-firāk*”(pada peperangan yang mulia) dan pada penampang atas terdapat kalimat “*huwa yaqūmu*”(beliau ikut mendirikan). Daripada sepenggal kalimat-kalimat itu, dapat kami analisis dan simpulkan bahawa makam disebelah timur, Sultan Muzafar Shah adalah makam Guru Besar (Agama) Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Syah dan semua kerabat diraja (Foto 2). Sayang tiada nama disebutkan dalam batu nisan itu. Tetapi menurut R.O. Winstedt (1918: 49-63) nama

guru agama Sultan Muzafar Shah adalah Sayid Husain al-Faradz. Apakah makna batu nisan itu bagi membuktikan bahawa pengasas negeri Perak? Entri pointnya pada kalimat “huwa yaquumu” dan al`ulya l-firok”. Kalimat itu menegaskan bahawa beliau, maksudnya Guru Besar Sultan Muzafar Syah turut mendirikan (Kerajaan Negeri Perak) dan ini bermakna Sultan Muzafar Syah adalah pengasas Kerajaan Perak, mungkin juga bersama-sama dengan putera baginda Raja Mansur, yang kemudian menjadi Sultan Perak yang ke-2.

Foto 2: Batu Nisan Guru Besar Sulltan Muzaffar Shah

Nisan Kepala Penampang Utara:



Timu

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ bihi shalatullah (Salawat baginya dari Allah)  
 عَلِيًّا سُلْطَانًا مَنصُورًا `ulya Sultan Mansur (Guru besar Sultan Mansur  
 لِ مَظْفَرٍ وَالْقُرَى li Muzāfar wal qurā (dan Muzafar serta para kerabat diraja)  
 وَاللَّهُ نُورٌ عَلَيْنَا wailayhi nūrun `alaynādan baginya cahaya atas kita semua)



الْعَلَى الْفِرَاقِ al`ulya l-firāk  
 (pada peperangan yang mulia)

Nisan Kepala Bahagian Atas:



نَصْرٌ --- nasrun (petunjuk)  
 هُوَ يَأْقُمُ --- huwa yaqūmu  
 (beliau ikut mendirikan)

Sebuah kalimat yang berbunyi ‘al `ulya l-firok’ bermaksud bahawa Guru Agama Sultan Muzafar Syah wafat dalam peperangan yang mulia. Kami menafsirkan bahawa kematian beliau berlaku dalam peperangan memperjuangkan penubuhan kerajaan Perak pada zaman awal. Ini bermakna Sultan Muzafar Shah bukanlah dijemput secara aman oleh Orang - Orang Besar Perak tanpa berjuang untuk menubuhkan Kerajaan Negeri Perak. Fakta ini bertepatan apabila dihubungkan dengan apa yang berlaku di Kampar pada ketika itu. Sebagaimana disebutkan dalam Sejarah Melayu dan Riwayat Negeri Perak bahawa Raja Muzafar sebenarnya sudah dihalau dari Kampar oleh Orang-Orang Besar Kampar, selepas kematian Sultan Mahmud Shah. Beliau merasa terhina, kerana sebelumnya ayahandanya telah memberinya gelaran Raja Muda yang bermakna beliaulah yang berhak menjadi pengganti Sultan Mahmud Shah, bukan adiknya dari lain ibu (Tun Fatimah) bernama Raja Ali yang juga diberi gelaran oleh ayahnya sebagai Sultan Muda, pada usia 40 hari.

Tun Fatimah sebagai permaisuri telah memainkan peranan penting sehingga dapat mengubah keputusan Sultan Mahmud Shah. Dalam Sejarah Melayu dikatakan, “*saya akan menggugurkan kandungan saya, kalau anak yang ada dalam kandungan ini tidak ditetapkan menjadi pewaris takhta kerajaan*”. Atas perasaan cintanya yang luar biasa kepada Tun Fatimah, boleh mempengaruhi Sultan Mahmud Shah untuk membatalkan Raja Muzaffar menjadi penggantinya. Keputusan ini kemudian ditegaskan kembali kepada semua orang besarnya ketika ia hampir meninggal dunia, “*tolong kalian jaga dan*

*peliharalah anak saya (Sultan Muda). Maka setelah Sultan Mahmud Shah mangkat Sultan Mudalah dirajakan dengan gelar Sultan Alauddin Ayat Syah. Raja Muzafar Syah pun dincitkan oleh Bendahara dan segala orang kaya-kaya. Maka Raja kata Raja Muzafar, Mengapatah beta dienyahkan? Masakan beta merebut kerajaan encik Tuan?. Maka kata segala orang kaya-kaya itu, Nyah juga Raja Muzafar Syah dari negeri ini. Maka kata Raja Muzafar Syah, Nantilah, nasi beta lagi di dapur, belum lagi masak'. Maka kata segala orang kaya-kaya itu, Apa akan dinanti lagi? Sekarang turun! Maka Raja Muzafar pun turunlah dengan istrinya, Tun Terang, dan anak baginda seorang Raja Mansur namanya tinggal kepada adinda baginda. Maka kata Raja Muzafar kepada segala orang kaya-kaya itu, "Persembahkan kepada Encik Tuan, jikalau beta mati, si Mansur hendaklah diperbaiki oleh Encik. Maka kata orang kaya itu, Baiklah" (Amelia Ceridwen, dalam JMBRAS, Part 2, 2001: 94-95) Encik Tuan itu dimaksudkan adalah Tun Fatimah.*

Fakta-fakta itu menegaskan bahawa Raja Muzaffar sudah kehilangan haknya sebagai pewaris takhta kerajaan, sehinggalah ia keluar daripada Kampar menuju ke Negeri Perak untuk berjuang membina sebuah kerajaan. Dari sebuah cerita lisan disebutkan bahawa Kapal Raja Muzafar tersangkut di Beting Beras Basah, Kuala Sungai Perak dan Raja Muzafar berseru ;

*"Selikit Tanah Minangkabau  
Selengkung Pulau Perca  
Dilingkung ular sakti muna  
Sebenarnya aku menjadi Raja  
Jauhkan segera mala petaka  
Perpisahan aku di selat Melaka"*

Pantun ini menjadi begitu sacral maknanya hingga ke hari ini. Orang-Orang Besar Perak tiada pernah mengizinkan Sultan Perak untuk mengunjungi pulau Perca (Sumatera) dengan apa alasan sekalipun. Bagi penulis, kalimat berbentuk pantun yang diucapkan oleh Raja Muzafar menggambarkan kekecewaan atau kemarahan Raja Muzafar kepada Orang-Orang Besar di Kampar yang telah mengusir Baginda. Oleh kerana itu, Raja Muzafar berketetapan hati tiada mahu kembali lagi atau menginjakkan kakinya ke tanah Sumatera. Ini adalah sebuah tafsiran yang logik secara sosio histories bukan bersifat mistis dan ini memperkuat pendapat bahawa Raja Muzafar telah dihalau dari Kampar. Kata-kata ini barangkali secara berketerusan diwasiatkan kepada semua keturunan di-Raja Perak, sebagaimana kata-kata tersebut diatas diperoleh daripada DYMM Paduka Seri Sultan Idris al-Mutawakil Allahi Shah (Fawzi Basri, 1986: 15).

Secara realiti bahawa Sultan Perak tiada mempunyai mahkota, juga boleh menjadi bukti memang pengasas Kerajaan Perak, Raja Muzafar Shah telah dihalau daripada Kampar, dan pastilah baginda tiada memperoleh mahkota kerana mahkota Kerajaan telah diwariskan kepada adindanya Sultan Muda (Raja Ali). Dalam sejarah Perak, kes ini dilegitimasi melalui legenda-legenda, seperti Hikayat Semang Putih dan Cerita Jin Penunggu Istana Kerajaan Perak. Berdasarkan dua buah legenda itu disebutkan bahawa Mahkota Kerajaan Perak telah jatuh ke sungai ketika Raja Muzafar sedang naik perahu atau mahkota raja dibuang ke laut atas petunjuk Jin agar perahu Baginda dapat bertolak kembali setelah tersangkut di Beting Beras Basah.

Jadi Raja Muzafar bukan dijemput untuk dirajakan di Perak. Kata-kata dijemput, tidak mengandungi *sebuah upaya atau perjuangan* dan tidak sesuai dengan fakta yang berlaku. Peperangan yang dituliskan dalam batu nisan Guru Besar Sultan Muzafar Syah di Telok Bakong, Lambor Kanan barangkali dimaksudkan pada peperangan antara Tun Saban dengan Raja Muzafar-Megat Terawis sebagaimana disebutkan dalam mana-mana buku Sejarah Perak. (Surat Shahabuddin bin Muhammad Kashim kepada The Secretary to Resident Perak, 20<sup>th</sup> Ocktober 1907, “Asal-Usul Raja-Raja Perak”: 1-11; Abdullah Haji Musa Lubis, 1958: 9; Buyung Adil, 1981:7-8; Tok Muda Raja Razman, 1963: 5-8) Selain itu, Winstedt dalam (JMBRAS, vol. X, 1932: 36) juga menyebut pada tahun 1533 Paulo da Gama menemui 27 *lanchars* di pantai Malaka yang dikirim oleh Sultan Alaedin pendiri Johor untuk membantu saudaranya Sultan Perak. Antara tahun 1528-1533 adalah zaman awal pertumbuhan Kerajaan Perak, hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Tok Muda Raja Razman, Abdullah Haji Musa Lubis, dan Shahabuddin bin Mohammad Kasim bahawa tiada berapa lama sesudah Raja Muzafar berkerajaan di Perak, maka terjadilah peperangan antara Tun Saban dengan Sultan Muzafar Syah. Mungkin sebab peperangan bukan sekadar masalah perempuan, sebagaimana dikatakan Tok Muda Raja Razman, seperti juga dalam setiap kes sebab-sebab perang dalam sebuah Hikayat (cerita Melayu di Nusantara), tetapi persoalan wilayah pemerintahan (politik). Otoritas politik lebih dahulu dicapai melalui perjuangan politik, apakah melalui perang mahupun diplomasi/kahwin politik baharu diciptakan sebuah legenda sebagai pembenaran atas tindakan politik seorang penguasa.

Jumpaannya bekas benteng, Tasek Ayer Mati dan pecahan-pecahan tembikar daripada Khmer, Vietnam, Thailand dan China masa Dinasti Ming (kurun ke-16-17 M) di



kompleks Makam Sultan Muzaffar Shah mengukuhkan bahawa wilyah berkenaan memanglah telah dijadikan sebuah Bandar. Benteng adalah satu indikator lokasi berkenaan sangat penting untuk dipertahankan daripada serangan pihak musuh. Ini bermakna pernah terjadi pertempuran. Kurun ke-16 M sebagai mana diperkirakan daripada usia keramik menunjukkan kesamaan dengan tarikh pertubuhan Kesultanan Perak. Tasek Ayer Mati dipercayai oleh penduduk tempatan sebagai tempat berlabuh kapal-kapal daripada luar negeri Perak untuk berniaga dengan Bandar Sultan Muzaffar Shah di Tanah Abang, Telok Bakong dikukuhkan dengan temuan pecahan tembikar itu.

Walaupun Raja Muzaffar tidak dijeput, tetapi bukan berarti Tun Saban tidak berperan dalam proses penubuhan kerajaan Perak. Buktinya historiografi Perak masih menempatkan Tun Saban dalam senarai tokoh penting dalam penubuhan kerajaan Perak. Bahkan keturunan beliau masih dipercayai memimpin di Hulu Perak seperti Tun Kelawang, Tun Kelalang dll . Oleh itu, maka ketika seorang Penghulu Perak bernama Tok Masuka (berasal daripada Daik/Lingga) meninggal dunia, Tun Saban dan Nakhoda Kasim berangkat ke Kampar menemui Sultan Mahmud Shah untuk memohon agar Raja Muzafar untuk dirajakan di Perak. Setelah itu beliau balek ke Perak menanti kedatangan rombongan Raja Muzafar di Beting Beras Basah, Muara Sungai Perak dengan mempersembahkan 77 ekor gajah. Manakala adinda beliau, Tok Temong mempersembahkan ‘Mastika atau Geliga Embun kepada Raja Muzaffar Shah di Tanah Abang pada hari pertabalan Raja Muzaffar. Geliga Embun dipandang memiliki kekuatan magis dan disimpan sebagai perkakas kerajaan, sehingga hari ini (Fawzi Basri, 1986: 189; Raja Razman, 1963:5).

Raja Muzaffar pastilah mempertimbangkan pengaruh Tun Saban yang kuat di Hulu Perak, kerana Tun Saban yang terlebih dahulu meneroka kawasan Hulu Perak sebagaimana dihuraikan di atas. Kemungkinan beliau berundur ke Hulu Perak, kerana kawasan pantai (Beruas) sudah dibawah kawalan Portugis. Namun memandangkan beliau bukanlah sebagai penerus wangsa Sang Sapurba dari Bukit Siguntang, maka beliau harus merajakan Raja Muzafar putera Sultan Mahmud Shah.

Perselisihan pendapat dipercayai kerana ‘persoalan perempuan’ (puteri Tun Saban ingin dijadikan gundik oleh Raja Muzaffar) menjadi punca daripada konflik antara Tun Saban/Tok Temong dengan Raja Muzaffar. Konflik itu menyebabkan tewasnya Tun Saban ditangan Megat Terawis (Putera Raja Pagaruyung) yang kemudian dijadikan Bendahara Perak menggantikan Tun Mahmud anak Tun Isap Berakah. Benarkah punca daripada perseteruan Raja Muzaffar dengan Tun Saban kerana masalah perempuan? Isu perempuan menjadi pembenaran dalam setiap konflik dikalangan penguasa Melayu di Nusantara sepertimana pula berlaku di Sumatera (Legenda Puteri Hijau), Kedah (Legenda Puteri Lindungan Bulan) dan Jawa (Puteri Diah Pita Loka dalam kisah Perang Bubat antara Majapahit dan Kerajaan Pajajaran di Jawa.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada hasil analisis kepada pelbagai data arkeologi dan sumber bertulis, maka dapat disimpulkan bahawa pengasas kerajaan negeri Perak memang bernama Raja Muzaffar, putera Sultan Mahmud Syah, Raja Melaka yang telah berundur ke Kampar dan mangkat di Kampar, Sumatera Indonesia. Raja Muzafar bukan dijemput oleh Tun Saban, melainkan ia dihalau daripada Kampar oleh para Orang Besar Kampar

dan kemudian pergi ke Perak untuk membina sebuah kerajaan bersama-sama dengan para pengikutnya, termasuk guru agama baginda yang menurut Winstedt bernama Sayid Husain al-Faradz.

Di Perak Raja Muzafar disambut oleh Tun Saban dan Tok Temong yang kemudian mendukung penabalan Raja Muzaffar menjadi Sultan Perak I, tetapi kemudian diantara mereka terjadi perselisihan sehingga menimbulkan perang terbuka. Bila dikaji dengan mempertimbangkan bukti-bukti arkeologi rupanya kes itu terjadi disebabkan oleh persoalan politik. Untuk kes Perak, saya pikir perlu dilakukan penelitian lebih lanjut untuk mengungkapkan peristiwa yang sebenar.

Boleh jadi, konflik terjadi kerana perebutan jabatan Bendahara Perak yang kosong akibat Tun Mahmud (Sri Agar Raja) dijeput paksa oleh Tun Pikrama atas perintah Sultan Johor Alauddin Riayat Shah kembali ke Johor. Tun Saban sebagai anggota keluarga Bendahara Melaka merasa berhak atas jabatan itu. Itulah sebabnya ketika Sultan Muzaffar Shah memilih Megat Terawis, Tun Saban mengambil sikap melawan Sultan Muzaffar Shah dengan menyerang Istana Baginda di Tanah Abang. Perang berakhir tragis dengan tewasnya Tun Saban ditangan Megat Terawis yang kemudian dijadikan Bendahara Perak oleh Sultan Muzaffar Shah. Sejak masa itu, Jabatan Bendahara Perak diisi oleh keturunan Megat Terawis seperti Megat Shuib, Megat Manja, Megat Iskandar, Megat Terawis, Megat Pendia, Megat Abu Kasim, Megat Said dan Megat Lambat Makan. Sampailah masanya berakhir ketika Sultan Muzaffar Shah III (1728-1744) mempercayakan Jabatan Bendahara kepada Sharif Abu Bakar (Winstedt, 1974: 140).

Balutan isu “perempuan dan kompetisi jabatan bendahara” dalam cerita mengenai masa awal penubuhan kerajaan Perak sepatutnya dianalisis dengan pendekatan genealogi dan politik guna memperjelas soalan sebenarnya daripada peristiwa tersebut. Pendekatan politik akan menunjukkan kepada kita bahawa proses penubuhan Kerajaan Negeri Perak pada awal abad ke 16 M, sarat dengan konflik kepentingan antara keturunan Raja Beruas, Melaka/Kampar, Minangkabau dan Johor. Konflik itu berlaku pada masa konstelasi politik baru di Asia Tenggara berubah kerana datangnya Portugis di Melaka. Johor, Perak, Aceh, dan Siak muncul sebagai negeri-negeri baru yang ingin mendominasi laluan perdagangan di Selat Melaka.

Manakala pendekatan genealogi dengan berpandukan kepada “sumpah purba” atau kontrak sosial antara Sang Sapurba/Sri Tribuana dengan Demang Lebar Daun di Bukit Seguntang, Palembang ketika kedua-dua mereka membuat pakatan untuk membina sebuah negeri. Demang Lebar Daun sebagai mewakili rakyat Melayu tidak derhaka kepada Sang Sapurba (yang menurunkan Dinasti Melayu-Melaka). Sebaliknya Sang Sapurba sebagai raja akan melindungi orang Melayu sebagai rakyat baginda dari segala ancaman yang dapat menjejaskan marwah orang/budaya Melayu. Sejarah Melayu merakamkan perjanjian itu sebagai berikut;

*“Jangan ia dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum bunuh syarak bunuh tuanku; jangan duli Tuanku aib...Titah baginda, Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubah perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah kaki ke atas, “ Maka sembah Demang Lebar Daun, “Jikalau raja Melayu itu mengubah perjanjian dengan hamba Melayu dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya” (Ahmad, 1979: 23).*

Sumpah ini begitu penting dijadikan panduan dalam menganalisis proses penubuhan kerajaan di Tanah Melayu termasuk kerajaan Perak. Dari sinilah kita dapat memahami kenapa dalam historiografi Perak, Tun Saban harus datang ke Kampar memohon kepada Sultan Mahmud Shah agar Raja Muzaffar dirajakan di Perak, sebab Raja Muzaffar adalah titisan langsung dari Dinasti Sang Sapurba. Demikian sebaliknya, keturunan Bendahara Melaka mesti menjadi Bendahara pula dimana-mana negeri Melayu yang muncul setelah runtuhnya Melaka. Oleh itu Tun Saban melawan Raja Muzaffar boleh dipahamkan daripada sudut pandang demikian. Jadi perang atau konflik yang berlaku pada proses penubuhan kerajaan Perak menjadi rasional dan sesuai pula dengan bukti-bukti arkeologi yang ditemui di Tanah Abang. Megat Terawis pula harus berkahwin dengan puteri Tun Saban bernama Tun Bongsu Bangsawan agar penobatan beliau beserta keturunannya syah menduduki jabatan Bendahara Perak, kerana Tun Saban adalah pewaris wangsa Bendahara Melaka.

## **RUJUKAN**

- Buyung bin Adil, Haji .1981. *Sejarah Perak*, cetakan pertama edisi kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Corteseo, Armando. (ed & trans) 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, (2 vols), London: Haklyut Society.
- Dobin, Christin. 1992. *Kebangkitan Islam Dalam Ekonomi Petani Yang Sedang Berubah*, Seri INIS jilid XII, terj. Lilian D. Tedjakusudhana, Jakarta: INIS.
- Fawzi Basri, M.A. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Pera*, cetakan pertama, Ipoh: Yayasan Perak.

- Jeragan Abdul Shukor. 1907. "List of Graveyards of the late Sultans of the State of Perak", dalam JMBRAS. no. 48 Juni 1907, hlm. 98-106.
- Haji Yahya bin Raja Mohammad Ali, Salasilah Perak Berhubungan Dengan Sayed2 Chandaryang, 1908. (Col Arkib Negara Kuala Lumpur)
- Maxwell, W.E. "The History of Perak From Native Sources" dalam Winstedt, R.O., and Wilkinson, R.J., 1974, *A History of Perak*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch, Royal Asiatic Society.
- Mc Gregor, "Johor Lama in the Sixteenth Century" in JMBRAS XXVIII (2) 1955: 48-125
- Mohd Yusuf Hasim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*, Cetakan 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shellabear, W.G. 1986. *Sejarah Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House.
- Slamet Mulyana, 1981. *Kuntala, Sriwijaya Dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu.
- Tok Muda Raja Razman bin Raja Abdul Hamid dkk. 1963. *Hulu Perak Dalam Sejarah*. Ipoh: Regina Press Ltd.
- Edwin Ceride, "Transliteration of Silsilah Raja-Raja Perak I" dalam MBRAS, 2001 vol. LXXIV part 2, hlm. 76-124.
- Tengku Nazir (Dey Nazir Alwy), 1985. *Sari Sejarah Kampar, Pekan Tua dan Pelalawan*, tt dan penerbit.
- Winstedt, R.O., & Wilkinson, R.J., 1974, *A History of Perak* (1<sup>st</sup> published 1934), in series MBRAS Reprints, no. 3, with Three Articles by W.E. Maxwell, (previously published in vols 2, 9, 12 of the JSBRAS, 1878, 1882, 1883), Kuala Lumpur: Malaysian Branch, Royal Asiatic Society.
- Winstedt, R.O. 1918. "The Hadramaut Saiyids of Perak and Siak" dalam JSBRAS, No. 79, September 1918, hlm. 49-63.
- Wilkinson, R.J. 1971. "Papers on Malay Subjects Selected and introduced by P.L. Burns", Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. 1932. "*The Early Rulers of Perak, Pahang and Aceh*" dalam JMBRAS, vol. X.

